

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW  
[ WANGSA MAJU ]**

**TARIKH : 30 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW [ WANGSA MAJU ]** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan :-

(a) apakah status pelaksanaan projek perumahan Residensi Prihatin dan Rumah Prihatin Wilayah seperti diumumkan oleh Menteri Wilayah pada bulan Mei; dan

(b) apakah perkembangan cadangan untuk menyemak semula projek-projek perumahan RUMAWIP dan Residensi yang sedang dijalankan.

**JAWAPAN (a)**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Wangsa Maju, pihak Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telah mengenalpasti lokasi yang berpotensi untuk cadangan pembangunan Residensi Prihatin dan dalam proses mendapatkan kelulusan Jemaah Menteri sebelum pelaksanaannya dalam masa terdekat.

Sehingga kini, sebanyak 326 unit telah diserahkan kepada penerima terpilih sejak pelaksanaannya bermula tahun 2016.

Sekian, terima kasih.

**JAWAPAN (b)**

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat jua, KWP jua masih meneruskan projek-projek Residensi Wilayah berharga sehingga RM300,000 sedia ada yang mensasarkan golongan berpendapatan sederhana M40 dan dalam perancangan untuk melaksanakan program Residensi Prihatin berharga sehingga RM200,000 yang mensasarkan golongan berpendapatan rendah B40.

Sekian, terima kasih.